

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, August 5, 2015 7:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Emosi Kakitangan Pengaruhi Tahap Keterlibatan Maksimum Dalam Organisasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

5 OGOS 2015 / 20 SYAWAL 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

EMOSI KAKITANGAN PENGARUHI TAHAP KETERLIBATAN MAKSIMUM DALAM ORGANISASI



UUM ONLINE: 5 Ogos - Seramai 326 kakitangan universiti dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada Hari Inovasi dan Majlis Penganugerahan Universiti (HIMPU) yang mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti penerima kepada universiti.

Penyampaian anugerah itu disempurnakan oleh Pro-Canselor, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

Dalam ucapan beliau berkata, penerimaan APC itu membuktikan penerima mempunyai tahap keterlibatan (*engagement*) yang tinggi dengan UUM yang bukan sahaja menyalurkan sumbangan berdasarkan spesifikasi kerja yang ditetapkan, malah berkaitan dengan hal ehwal di luar bidang kerja seperti khidmat masyarakat.

"Kita perlu akui amat penting bagi UUM untuk memastikan tahap keterlibatan yang tinggi dalam setiap lapisan warga universiti dan pelbagai kajian telah dilakukan membuktikan kepentingan keterlibatan kakitangan terhadap produktiviti organisasi.

"Untuk memperoleh tahap keterlibatan maksimum dalam kalangan warga organisasi, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian penting, antaranya ialah emosi kakitangan kerana menerusi emosi ini juga yang menjadi penggerak utama peningkatan keterlibatan kakitangan," ujarnya.

Menurut beliau lagi, empat (4) emosi yang dikenal pasti ialah EIEC (*Enthusiasm, Inspired, Empowered dan Confident*) dan empat emosi itu perlu diberi perhatian agar keterlibatan semua kakitangan dapat ditingkatkan.

Yang Amat Berbahagia Tun turut menekankan tentang agenda yang ditetapkan kerajaan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) dalam usaha memantapkan dan memartabatkan kualiti pendidikan di Malaysia kerana PPPM (PT) merupakan dokumen strategik yang menggariskan Hala Tuju Pendidikan Tinggi dalam tempoh 11 tahun.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis tersebut adalah bagi meraikan staf cemerlang UUM bagi penilaian prestasi tahun 2014.

Menurutnya, semua penerima APC pada tahun ini telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang bukan sahaja boleh menjadi contoh kepada warga universiti, malah berupaya menjadi pemangkin kepada rakan sekerja lain untuk terus berkhidmat dengan cemerlang.

"Sumbangan yang diberikan semua staf inilah yang membolehkan UUM memperoleh pelbagai kecemerlangan pada tahun lalu dan tahun ini menjadi penanda aras kepada universiti untuk menggembleng fikiran dan tenaga bagi merealisasikan aspirasi sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka menerusi Pelan Strategik UUM yang bakal memasuki Fasa Dua (2016-2020).

"Pelan Strategik UUM Fasa 1 (2011-2015) memberi tumpuan agar universiti menjadi universiti pengurusan di peringkat nasional dan setanding dengan universiti lain serta menerusi pelbagai pencapaian yang boleh meletakkan UUM di peringkat membanggakan," katanya.

Tambah beliau, untuk melonjakkan kedudukan UUM melampaui peringkat nasional, universiti perlu memperkasakan akreditasi dan kedudukan (*rankings*).

Selain itu, menurutnya, budaya kerja sedia ada juga perlu melalui proses perubahan bagi meningkatkan kemahiran kompetensi kakitangan supaya tidak lagi bekerja di tahap lama.

"Saya berharap penerima APC ini dapat menjadi '*role-model*' kepada kawan-kawan lain dan menjadi ikon atau individu hebat kepada orang lain," ujarnya lagi.

Pada majlis ini, semua penerima APC dipilih dan ditapis mengikut beberapa syarat yang diputuskan oleh universiti berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002, antara syarat tersebut ialah mendapat markah prestasi 85 peratus dan ke atas dan genap setahun berkhidmat dalam tahun penilaian.

Selain itu, turut disampaikan Anugerah Khas Universiti bagi empat (4) kategori sebagai tanda penghargaan kepada Jabatan dan staf yang menunjukkan kecemerlangan dalam aspek sumbangan idea, pendidikan cemerlang, penyelidikan, penulisan dan penerbitan, perundingan dan sukan.

Bagi kategori Hadiah Portfolio Terbaik diterima oleh Dr Rajwani Md Zain; Hadiah Portfolio dan Simulasi Pengajian Terbaik oleh Dr Norazlinda Saad; Anugerah Pendidik Cemerlang oleh Prof. Madya Dr. Fauziah Abd Rahim; Anugerah Kecemerlangan Khas Pengajian Doktor Falsafah (PhD) oleh Dr. Norsiah Hamid.

Penerima, Azahar Kasim, pensyarah dari Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) melahirkan rasa gembira dan terima kasih kepada pengurusan universiti atas pemilihannya untuk menerima APC pada tahun ini.

Katanya, dengan penganugerahan tersebut diharap akan menjadi pembakar semangat kepada dirinya dan juga rakan sekerja lain untuk terus memberikan khidmat cemerlang kepada universiti.

Pada majlis sama turut diadakan pelancaran produk terbaru UUM iaitu UUMTV, satu saluran yang bertindak sebagai ruang hebahan dalam mempromosikan aktiviti UUM dan juga komuniti setempat selain digunakan oleh mahasiswa dalam memperkasakan ilmu pengetahuan. UUMTV merupakan satu platform dalam mengetengahkan agenda-agenda yang berkaitan dalam bidang pendidikan, ekonomi, isu semasa kampus, pengiklanan, saluran pengajaran dan pembelajaran, sukan dan rekreasi, ruangan keagamaan, hiburan ringan serta platform kepada pelajar untuk menceburi dunia penyiaran.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3040/3048/3049/3052

FAKS: 04-928 3053

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

FACEBOOK: Universiti Utara Malaysia (Official FB)

